

Mutang bekerja keras ke arah reformasi Parlimen, Dewan Negara - Anwar

Oleh MUHAMAD AIDIEL
ASYRAAF ZABIDI
asyraaf.zabidi@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim sedih apabila negara kehilangan individu yang bekerja keras dalam usaha melakukan reformasi Parlimen susulan pemergian Yang Dipertua Dewan Negara mendiang Senator Datuk Mutang Tagal kelmarin.

Perdana Menteri berkata, walaupun lama meninggalkan bidang politik, kesungguhan Mutang untuk mengangkat martabat Parlimen termasuk Dewan Negara diberi penekanan oleh mendiang sebaik dilantik memegang jawatan itu pada 19 Februari lalu.

“Mendiang mula membicarakan soal reformasi Parlimen dengan serius bersama Yang Dipertua Dewan Rakyat (Tan Sri Johari Abdul). Saya

anggap mendiang seorang yang berprinsip dan menjaga nilai yang baik.

“Oleh kerana itu, kita kehilangan Yang Dipertua Dewan Negara yang mampu mengangkat martabat Dewan Negara dan mengusulkan perubahan dalam sistem Parlimen negara kita,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sebelum itu, Anwar tiba kira-kira pukul 12 tengah hari di Pusat Peringatan Nirvana 2 di sini bagi memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Mutang yang meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN).

Anwar meluangkan masa kira-kira 20 minit bertemu ahli keluarga Mutang termasuk balu mendiang Datin Ho May Leng dan tiga anak mereka bagi menyampaikan salam takziah.

Mutang, 70, dimasukkan



MUTANG TAGAL

ke IJN pada 6 Mei lalu sebaik sahaja tiba dari Azerbaijan, selepas mengadakan lawatan kerja ke negara itu bermula 29 April.

Mendiang akan diterbangkan ke Miri, Sarawak hari ini sebelum dikebumikan di Tanah

Perkuburan Sidang Injil Borneo (SIB) pada Isnin.

Beliau merupakan Orang Ulu yang pertama dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara selain pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Bukit Mas, Sarawak pada 1982 hingga 1990.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, kehilangan Mutang amat dirasai warga Sarawak khususnya etnik Orang Ulu.

Menurut beliau, mendiang telah banyak menyumbang kepada masyarakat sejak menjadi Ahli Parlimen (MP) Bukit Mas dari 1983 hingga 1990.

“Mendiang komited dalam membangunkan martabat dan moral masyarakat setempat ketika menggalas tanggungjawab sebagai MP,” katanya ketika memberi penghormatan terakhir kepada Mutang.